

## **HALAMAN KAUM IBU**

# **HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN**

Di dalam makalah saya yang lalu saya berjanji di sini akan menulis berkenaan dengan hak kita perempuan terhadap kepada harta kita di dalam mana kelak pembaca-pembaca akan dapat bahawa kita perempuan di dalam Islam itu bukannya sebagai hamba tebusan yang apabila kita berkahwin kepada seseorang lelaki maka harta kita akan dikawal atau dikuasa oleh suami kita.

Sebagaimana yang telah saya pernah katakan bahawa apabila kita telah baligh (cukup umur) maka kita berhak menyimpan harta kita dan tidak ada seorang yang boleh mengambilnya dikecualikan jika didapati kita boros akan membawa harta itu kepada jalan yang asi.

(oleh Ummu Muhsin)

## **HAK PEREMPUAN ATAS HARTANYA**

-----\*

Berhubung dengan adanya penjajahan di negeri ini maka kebebasan yang tersebut telah ikut juga terkongkong oleh kerana mengikut undang-undang negeri ini harta itu tidak boleh dipulangkan kepada seseorang melainkan setelah umurnya 21 tahun di dalam mana perbuatan itu nampaknya telah menjadikannya merampas hak dan kebebasan kita atas harta kita dan tidak jarang ada harta-harta daripada peninggalan orang tuanya yang telah meninggal yang telah diserahkan kepada trusty (yang menjadi kuasa) yang telah menjadikan harta itu kucar kacir oleh kerana ada trusty-trusty itu lupa kepada tanggungannya dan tamak kepada harta anak yatim sehingga dengannya orang-orang yang telah meninggalkan hartanya itu terkadang-kadang tidak sempat dirasa oleh anaknya yang sudah pun bebas dan akil baligh itu, sudahpun berhak memiliki harta itu.

Terkadang-kadang pula apabila ia telah bersuami dan belum sampai had umurnya 21 tahun maka si suami itu pula terkadang-kadang menjadi galang ganti, menguasai harta isterinya itu dengan paksaan dengan tidak keredhaannya dan terkadang-kadang belum lagi umurnya 21 tahun maka dengan kecekan suami tadi hartanya telah habis dan kemudian ia diceraikan, dicampakkan sebagai sampah yang tidak berharga. Kejadian-kejadian yang serupa ini adalah sangat buruk dan melupakan sama sekali kebebasan dan hak kita perempuan terhadap kepada harta kita.

Farid Wajdi tatkala menerangkan hak dan kebebasan kita mempunyai dan menguasai harta kita ada berkata : “Seseorang perempuan Islam yang telah berkahwin kebebasannya mengurus hartanya tidak akan gugur kerana berkahwin itu. ia tetap mempunyai kebebasan yang penuh di dalam semua harta yang menjadi hak milikinya. Ia tidak akan terikat kepada fikiran suaminya berkenaan dengan hak-hak yang tersebut dan kerana itu ia bebas menjual, menyewa atau menggadai hak


miliknya dengan tidak ada sesiapa yang boleh mengganggunya.”

Seterusnya ia menyatakan bahawa hak yang telah didapati oleh perempuan-perempuan Islam seperti yang disebut tadi hingga hari ini belum dapat lagi dicapai oleh perempuan-perempuan yang bukan Islam oleh kerana seseorang perempuan yang bukan Islam itu apabila berkahwin maka kebebasannya terhadap kepada harta benda yang menjadi hak miliknya itu akan terletak di bawah kawalan suaminya dan dengan itu ia tidak boleh menjual atau membeli ataupun menggadai sesuatu daripada hak miliknya itu melainkan dengan persetujuan suaminya, kerana undang-undang telah memberi kepadanya (suami) kuasa atas segala harta benda isterinya sedang kuasa yang tersebut tidak didapati oleh ayah perempuan itu sendiri atau salah seorang kaum kerabatnya yakni ayahnya tidak akan berkuasa ke atas harta perempuan apalagi kaum kerabat yang lain.

Sesungguhnya tidak syak lagi bahawa cara yang telah mengenai perempuan yang bukan Islam itu adalah menunjukkan perbuatan itu daripada saki baki zaman perhambaan kaum perempuan yang telah pernah ditanggung mereka pada kurun yang lalu yang penuh dengan kezaliman dan kejam. Semua hak-hak yang telah diberi kepada perempuan itu rasanya – kata

tidak dapat dimimpi-mimpikan oleh sebarang “Falsafah” sehingga hari ini. Islam telah memberi hak-hak tersebut kepada perempuan itu bukanlah dengan begitu sahaja bahkan ialah kerana membebaskannya daripada cengkaman perhambaan iaitu cengkaman atau belenggu masih mengenai umum kaum perempuan di dunia pada hari ini, juga Islam telah meletakkan haknya yang semula jadi itu pada tempatnya yang telah ditetapkan baginya oleh syarak dengan tidak boleh mengubah atau menukaranya bagi menyampaikan tujuan-tujuan yang tersebut.

Sekiranya Islam telah mensifatkan perempuan itu sebagai hamba tebusan kepada suaminya sebagaimana yang lazim dipandang oleh sebahagian daripada lelaki yang hendak berkahwin dengan perempuan yang kita lihat hari ini bagaimana kaum kita itu telah dijadikan hamba abdi dan tebusan dengan dipukul dan diterajang kalau tidak mengikut perintahnya umpamanya tidak



Begum Liaquat Ali Khan, isteri kepada Tuan Likat Ali Khan Perdana

Menteri Pakistan sedang dikerumuni oleh wartawan-wartawan tatkala ia melawat ke New York di dalam beberapa bulan yang lalu. Di sini dapat dipandang bagaimana ia mempertahankan pakaiannya walaupun ia melawat ke negeri tamadun yang terkenal bebas itu. Ia menunjukkan bahawa adatnya tidak luntur kepada celupan yang lain.

Farid Wajdi –

menyiapkan makan dan pakainya sebagaimana yang disangka oleh setengah-setengah orang itulah dia pengajaran agama maka yang demikian itu adalah salah sekali. Islam adalah menghargakan hak-hak yang disebutkan di atas dan daripada kebebasan-kebebasan menguasai hartanya itu adalah menunjukkan bagaimana kemuliaan yang telah diberi oleh Islam kepada perempuan dan dengan sebab itulah

Islam telah bersusah payah meninggi cawangan-cawangannya seperti yang tersebut di atas yang tidak akan didapati di dalam alam Islami sesiapa jua yang cuba mendidakkannya atau tergamak hendak mengubahnya kerana semua Mazhab telah ijmak atasnya.

“Seseorang ahli falsafah akan berasa pelik dan hairan apabila memandang kepada hak-hak perempuan yang tersebut itu dari segi perempuan dan segi masyarakat; dan lebih-lebih menghairankan ialah oleh kerana tempat terbitnya itu ialah di negara Arab iaitu negeri-negeri yang sudah tentu kaum perempuannya telah merasai sepahit-pahit kehidupan hidup di dalamnya. Oleh itu telah terang dalil yang menunjukkan bahawa kedudukan perempuan sebelum kedatangan Islam sangat buruk sekali, baik di dalam negeri-negeri Arab sendiri ataupun di dalam dunia seluruhnya” dan hal yang demikian itu tidak pula dapat menggerakkan sebarang penyusun undang-undang walaupun daripada umat-umat yang telah meningkat kepada setinggi-tinggi kemajuan mengadakan bentuknya seperti yang telah ditetapkan oleh Islam itu yang sudah barang tentu tidak dapat dicapai oleh perempuan yang bukan Islam walau apa bangsa dan agamanya jua pun hingga hari ini tidak syak lagi bahawa hak ini adalah menjadi sebesar-besarnya dalil atas wahyu ketuhanan oleh kerana dengan akal semata-mata tidak akan dapat seseorang itu menghasilkannya “ – kata Farid Wajdi lagi.

Dengan ini nyata dengan terangnya bahawa kemuliaan yang diberi kepada perempuan Islam adalah sangat luas. Jika kita mendapati bahawa kita tidak diberi kebebasan dan tidak dapat menjalankan apa yang tersebut itu yang demikian itu janganlah disalahkan kepada pengajaran agama. Kalau terjadi sesuatu kesalahan itu maka yang demikian bukannya terbitnya daripada kesalahan agama tetapi adalah ini kesalahan daripada masyarakat kita sendiri.

Kalau kita mendapati yang demikian itu salah maka

hendaklah kita memulangkan kesalahan-kesalahan itu kepada masyarakat kita serta menunjukkan kepada mereka pengajaran-pengajaran supaya kita dapat membetulkannya. Dengan demikian baharulah boleh terbina bentuk masyarakat yang baik. Umpamanya sekarang masyarakat kita telah dituduh adalah sangat mudah menceraikan perempuan dan dengan kerana perbuatan-perbuatan itu menjadikan kita telah dituduh sangat memudahkan perempuan itu bahkan kita telah dikatakan menjadikan perempuan itu hanya sebagai kesenangan dirinya atau kerana memuaskan syahwatnya jua yang tidak ubahnya perbuatan-perbuatan kita itu telah mengikut perbuatan orang-orang Jahiliah dahulu. Yang demikian bukan salahnya Islam tetapi kerana kejahilan kita dan kerana tidak mahu mengikut pengajaran-pengajaran Islam. Oleh kerana mustahaknya perkara bercerai itu saya akan tuliskan insya-Allah dalam keluaran yang akan datang.

## **KALAU ISTERI TUAN MENGANDUNG...**

Kalau isteri tuan mengandung, jangan lupa ubat beranak “Cap Kambing Gurun” dengan menggunakan ubat ini tak payah berdiang – tak payah bersali. Harganya \$12.50 bersih pos pesan kepada:-

**YAHYA ARIFF**

**37, JALAN KANGSAR,  
KUALA KANGSAR.**